

Istiadat Kemahkotaan bersejarah

JOHOR BAHRU 23 Mac - Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar merupakan upacara istimewa yang penuh bersejarah dan akan menjadi kebanggaan seluruh rakyat negeri ini.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, Tan Sri Mohamad Aziz, 74, yakin istiadat tersebut amat ditunggu-tunggu oleh seluruh rakyat kerana dapat menyaksikan satu detik istimewa selepas 55 tahun istiadat itu diadakan.

“Saya berasa cukup bertuah kerana pada 1960 saya hanya mengetahui istiadat kemahkotaan diadakan untuk Sultan Ismail Sultan Ibrahim apabila membaca akhbar *Utusan Melayu*.

“Pada masa itu saya berumur 20 tahun dan baru balik daripada menunaikan haji. Saya dengar ayah cerita pasal kemahkotaan dan tahu apa itu kemahkotaan

menerusi pembacaan sahaja,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas mengenai Sultan Ibrahim, Mohamad berkata, baginda merupakan seorang yang tegas dan suka berterus terang serta mahu sesuatu yang dibuat menghasilkan yang terbaik.

“Baginda juga seorang yang berfikiran terbuka dalam memastikan agar keputusan yang diambil oleh kerajaan negeri selaku pentadbir adalah terbaik untuk rakyat.

“Baginda juga merupakan seorang yang dinamik dan begitu

prihatin tentang pengurusan masa dengan memastikan sentiasa menepati masa,” katanya.

Sultan Ibrahim juga seorang yang pemurah dan sering menghulurkan pelbagai bantuan kepada rakyat,” katanya sambil mendoakan baginda terus diberkati Allah SWT semasa menaungi negeri ini.



MOHAMAD AZIZ